

# Konvokesyen UPM

## Sembilan pelajar Melayu dapat kelas pertama

**M**AJLIS konvokesyen ke-27 Universiti Putra Malaysia (UPM) sidang kedua baru-baru ini menyaksikan sembilan graduan bumiputera memperoleh ijazah kepujian kelas pertama daripada sejumlah 66 graduan yang memperoleh kepujian yang sama.

Daripada jumlah tersebut hanya dua graduan bumiputera muncul sebagai satu-satunya penerima ijazah kepujian pertama mewakili semua graduan dalam program masing-masing.

Mereka ialah **Siti Jumaah Osman** dari program Bacelor Komunikasi yang menerima Purata Nilai Gred Keseluruhan (CGPA) 3.76 dan **Norsiah Idris** Bacelor Sastera (Bahasa dan Linguistik Melayu) yang merupakan graduan Unit Program Eksekutif, Fakulti Pengajian Bahasa Moden dan Komunikasi.

Manakala graduan bumiputera yang tersenarai bersama-sama graduan bukan bumiputera sebagai penerima ijazah kepujian kelas pertama ialah **Nozamri Mohd Thani** dari program Bacelor Sains Komputer (Sistem Komputer), **Azrina Aznan** dari program Bacelor Sains (Pembangunan Manusia), **Adlin Sabrina Muhammad Roseley** dan **Marconi a/k Stephen Jone** dari Bacelor Sains Perhutanan

Turut tersenarai ialah **Halyjah Muhamad**, **Hasnoorain Abd. Rahman** dan **Shalina Beaham Dawood Marican** dari program Bacelor Sains (Pembangunan Sumber Manusia).

Konvokesyen UPM kali ini menyaksikan sebanyak 4,092 graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing.

Daripada jumlah tersebut sebanyak sembilan graduan adalah penerima ijazah doktor falsafah (Ph.D), ijazah sarjana (188), ijazah bacelor (3,340) dan sebanyak 555 adalah graduan diploma.

Kesemua graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing daripada Canselor UPM Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Sementara itu pada majlis tersebut baginda bertitah supaya para graduan menanamkan sikap untuk terus belajar selaras dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat.

"Diploma dan ijazah yang diperoleh hari ini bukan merupakan tiket untuk golongan elit tetapi merupakan suatu kejayaan biasa yang juga dimiliki oleh orang lain," titah baginda.

Baginda bertitah, ilmu pengetahuan yang diperoleh oleh graduan sekarang tidak dapat dijadikan modal pelaburan selama-lamanya jika tidak berusaha untuk terus mempelajari dan menerokai ilmu pengetahuan baru.

Menurut baginda, bertitah bahawa UPM akan terus memberi tumpuan untuk menjadi pusat pembelajaran dan



**AHMAD JOHAN**

penyelidikan yang terunggul. "Namun warga UPM tidak seharusnya berpuas hati dengan pencapaian yang ada kerana untuk membina sebuah universiti yang unggul dan bertaraf dunia memerlukan perhatian serius," titah baginda. Antara faktor utama ialah pencapaian fakulti yang luar biasa, pelajar yang berkebolehan dan sentiasa bersemangat dalam pencarian ilmu,

komited, kebolehan membuat jangkaan masa hadapan, modal intelektual, kewangan dan kemudahan fizikal.

Baginda juga bertitah agar ibu bapa menggalakkan anak masing-masing meminati dan memberi perhatian terhadap pelajaran sains.

"Kita hendaklah menanam di fikiran anak-anak bahawa mata pelajaran sains bukanlah suatu subjek susah tetapi amat menarik untuk kita mendalami dan menerokainya," titah baginda.

Pada majlis itu juga, Pengerusi AIROD Sdn. Bhd. Tan Sri Ahmad Johan telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan Teknologi.

Majlis berkenaan yang berlangsung selama dua hari bermula hari ini turut dihadiri oleh Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd Zohadie Bardaie.